

MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2023

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

Perhatian bagi soalan 1

- 1 Berikan 1 markah bagi setiap kata majmuk yang betul.
- 2 Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk tersebut.
- 3 Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- 4 Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- 5 Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- 6 Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- 7 Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
- 8 Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- 9 Maksud yang tidak jelas, berikan 0 markah.
- 10 Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 - Morfologi (kata majmuk)

- (i) tunjuk ajar - nasihat dan ajaran
- (ii) ibu bapa - orang tua (yakni emak dan ayah)
- (iii) menitikberatkan - mementingkan, mengutamakan
- (iv) media cetak - alat atau saluran komunikasi yang berupa bahan cetak atau terbitan (spt surat khabar, majalah, dll)
- (v) **bekerjasama** - bekerja (berbuat sesuatu) bersama-sama atau dengan cara saling membantu (menyumbang dsb), bergotong-royong

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis (Ayat tunggal kepada ayat majmuk)

- | | |
|--|---|
| (i) Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar bahawa mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan. | 2 |
| (ii) Ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya kerana mereka mempunyai cita-cita sendiri. | 2 |
| (iii) Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan dan menjanjikan kesenangan pada suatu hari nanti. | 2 |

[Maksimum: 6 markah]

Nota:

- jika ayat betul beri 2 markah, jika salah 0 markah.
- ejaan salah - tiada penolakan markah bahasa.
- calon tidak boleh menulis/mengulangi kata hubung dan frasa yang sama dalam satu ayat.

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

kesalahan

- | | |
|-------------------------|---------------|
| (i) pada | - kepada |
| (ii) prihatin | - perhatian |
| (iii) dilibatkan | - melibatkan |
| (iv) terkandung | - mengandungi |
| (v) Selain daripada itu | - Selain itu |
| (vi) teradisi | - tradisi |

pembetulan

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

kesalahan

- | | |
|--------------------|-----------------|
| (i) negeri | - negara |
| (ii) kontek | - konteks |
| (iii) dimaktub | - termaktub |
| (iv) berapa | - beberapa |
| (v) cintakan | - cinta akan |
| (vi) menyemarakkan | - menyemarakkan |
| (vii) patriotisme | - patriotik |

pembetulan

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Izi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 - 6
- Izi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Izi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Izi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Izi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Izi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Izi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Tun Nina Madi lalu/datang, disuruh naik dan duduk berhampiran Seri Nara Diraja, kemudian diribanya. Kemudian Seri Nara Diraja bertanya kepada semua orang yang duduk di situ, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa dia ialah anak hamba?"

Orang ramai itu menyembah, "**Patik** sekalian juga tahu; oleh sebab tuanku tidak mengaku, patik sekalian takut mengatakan bahawa dia anak tuanku."

[Maksimum: 6 markah]

Catatan: jika calon menggugurkan kata klasik pada pangkal ayat dan menyalin petikan (tanpa menukar apa-apa ayat atau perkataan) - 0 markah

Soalan 5 - Peribahasa

- i) Membaca jambatan ilmu
- ii) Bagaimana acuan begitulah kuihnya/bapa borek, anak rintik/ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi

Nota: Berikan **2 markah** untuk setiap peribahasa yang tepat

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup / ayat tidak gramatis	
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup/menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ayat gramatis	3
- Isi cukup/menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis	
- Isi tidak cukup /tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) /ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) /ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) /ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) /ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6	Markah
(i) Maksud perilaku mulia	
- tindak-tanduk/perbuatan/tingkah laku/sikap baik/terhormat/luhur/terpuji	2
- perilaku <i>baik/terhormat/luhur/terpuji</i>	1
- <i>tingkah laku/sikap mulia</i>	1
	[maksimum 2 markah]
	[Isi cukup : 2 isi]
(ii) Amalan integrity	
Bahan 1	
P1 hadir lebih awal ke tempat kerja	
P2 mempunyai perancangan dalam melakukan tugas yang diamanahkan	
P3 menyelesaikan tugas mengikut tempoh yang ditetapkan	
Bahan 2	
P4 saling menyayangi antara ahli keluarga	
P5 mendidik anggota keluarga dengan ajaran agama atau kepercayaan	
Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan	
	[Maksimum : 4 markah]
	[Isi cukup : 3 isi]
(iii) Kesan-kesan	
P1 berlaku penipuan/pecah amanah	
P2 rasuah berleluasa/sukar dibendung	
P3 masyarakat tidak dapat hidup aman dan tenteram	
P4 ekonomi negara merosot/negara tidak maju	
P5 imej/nama negara terjejas	
(Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)	
	[Maksimum : 3 markah]
	[Isi cukup: 2 isi]
(iv) Tindakan-tindakan ibu bapa	
P1 menegur/menasihati Ali	
P2 memberi didikan agama/moral	
P3 memujuk Ali supaya hadir ke sekolah	
P4 meminta bantuan daripada rakan Ali	
P5 menyediakan kemudahan belajar di rumah	
P6 berbincang dengan pihak sekolah/guru kelas/guru kaunseling/guru subjek	
P7 memohon kepada Allah S.W.T/berdoa	
(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)	
	[Maksimum : 4 markah]
	[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

(i) Tindakan-tindakan individu (Bahan 2)

- P1 hendaklah pandai berkira-kira
- P2 jadikan menabung amalan berkala/hendaklah berhemat bijak menyimpan
- P3 didiklah anak dari muda
- P4 pastikan kewangan sentiasa mapan**

[maksimum 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Cara-cara berbelanja dengan bijak

Bahan 1

- P1 berjimat cermat berbelanja di kantin
- P2 Kadangkala sahaja ke kantin sekolah

Bahan 2

- P3 sebelum membeli bandingkan harga/membandingkan harga sebelum membeli
- P4 elakkan diri daripada berhutang/tidak berhutang

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[maksimum 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kesan sekiranya ibu bapa berbelanja secara berlebihan

- P1 berlaku pembaziran
- P2 tiada simpanan/tabungan
- P3 terpaksa berhutang
- P4 contoh tidak baik kepada anak-anak

(Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan anda untuk membantu rakan

- P1 menasihati rakan supaya mendaftarkan perniagaannya
- P2 membantu mendapatkan maklumat berkaitan perniagaan
- P3 membimbing rakan menguasai kemahiran bermiaga dalam talian
- P4 memberi bantuan modal/dana/pinjaman
- P5 memperkenalkan rakan perniagaan
- P6 mencadangkan rakan mengikuti kursus perniagaan

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Tindakan-tindakan yang difikirkan oleh Pak Saidi

- P1 dia keluar daripada bilik Guru Besar
- P2 melupakan cita-cita anaknya untuk belajar di sekolah Inggeris
- P3 dia menampar mulut orang putih itu
- P4 bersedia menghalang apa-apa kemungkinan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

- a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- c) Beri 1 markah bagi **setiap peristiwa** yang betul (**peristiwa yang berkaitan dengan unsur kerjasama**)
- d) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap peristiwa.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik - 2 markah
 - Lemah - 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Cadangan Jawapan:

Novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. **Peristiwa Lili, Geetha dan Danel bekerjasama menyelesaikan isu pemasangan kubah surau yang menjadi pertelaghan masyarakat di Kampung Sentosa.**
Huraian: Kerjasama antara Geetha dan Danel untuk membantu Lili menyelesaikan masalah berkaitan dengan peletakan kubah surau di Kampung Sentosa.
2. **Peristiwa datuk, nenek, abang Rashid, Lili, Geetha dan Danel bekerjasama untuk menyelamatkan Rafiq dan Haziq daripada menjadi mangsa kemarahan penduduk kampung.**
Huraian : Kerjasama masyarakat kampung berjaya menyelamatkan Haziq dan Rafiq daripada menjadi mangsa kemarahan orang kampung yang geram dengan sikap mereka yang suka menimbulkan masalah seperti mencuri dan menagih dadah.
3. **Peristiwa Lili telah bekerjasama dengan Kak Mimah yang merupakan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk membantu menyelesaikan masalah Che Jah dan Seman berjaya ditangkap serta didakwa di mahkamah atas perbuatan kejamnya itu.**
Huraian :Kerjasama Lili dengan pelbagai pihak untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

- 4 **Peristiwa penduduk kampung termasuk nenek, datuk, Abang Rashid, Lili dan Danel pergi ke rumah Che Jah apabila mendapat tahu bahawa suami Che Jah sedang membela anak-anak dan isterinya**
Huraian: Kerjasama penduduk kampung membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mangsa keganasan rumah tangga.
- 5 **Peristiwa orang kampung akhirnya bersetuju meletakkan kubah di masjid baharu. Orang kampung selama ini berpecah kepada dua golongan. Golongan tua muah cubah diletakkan di surau. Golongan muda muah meletakkan cubah di masjid baharu yang akan dibina.**
Huraian: Kerjasama penduduk kampung bersepakat dan tidak lagi berpuak-puak.

Novel Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip

- 1 **Peristiwa Dahlia bersepakat dengan rakan-rakan yang lain untuk berlatih bola jaring sebagai persediaan untuk bertanding dengan pelajar tingkatan enam rendah.**
Huraian: Kerjasama pasukan bola jaring berlatih bertujuan mengeratkan hubungan antara pelajar tingkatan enam yang tinggal di asrama.
- 2 **Peristiwa Dahlia bersepakat dengan adiknya yang lain seperti Melati untuk saling membantu menjaga adik mereka yang masih kecil iaitu Anggerik. Melati ditugaskan untuk membeli susu sementara Dahlia menjaga adik mereka.**
Huraian: Kerjasama dan muafakat antara anak-anak Embong untuk menjaga adik semasa kedua-dua ibu bapa mereka dirawat di hospital.
- 3 **Peristiwa orang kampung bekerjasama membantu Dahlia membawa ibunya yang mengalami kemurungan dan melarikan diri ke kebun getah untuk dibawa pulang ke rumah.**
Huraian: Kerjasama orang-orang kampung menghulurkan bantuan dapat meringankan beban keluarga Dahlia.
- 4 **Peristiwa Haji Sulaiman bekerjasama dengan pihak hospital dan menasihati Embong untuk membawa Saleha mendapatkan rawatan di hospital.**
Huraian: Kerjasama antara ketua kampung dan petugas hospital untuk membantu penduduk yang dalam kesusahan.
- 5 **Peristiwa beberapa orang pemuda membantu Dahlia mengangkat mayat Said ke tebing sungai.**
Huraian: Kerjasama pemuda kampung untuk membantu Dahlia pada waktu kecemasan.
- 6 **Peristiwa penduduk kampung menjayakan majlis sambutan Maulidur Rasul termasuk Dahlia, Aton, Abu Bakar bersama-sama membantu dalam urusan memasak untuk majlis sambutan tersebut.**
Huraian: Kerjasama anggota masyarakat menjayakan sesuatu majlis.
- 7 **Peristiwa penduduk kampung membina rumah Embong semula yang dihanyutkan banjir.**
Huraian :Kerjasama penduduk kampung membina rumah Embong semula selepas banjir.

- 8 Peristiwa Cikgu Hisyam mengarahkan Kavita membuat salinan nota pelajaran supaya dapat digunakan oleh Dahlia untuk persediaan peperiksaan.

Huraian: Kerjasama rakan-rakan dan pihak sekolah memudahkan Dahlia membuat persediaan menghadapi peperiksaan STPM.

Catatan: Terima mana-mana peristiwa yang sesuai

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- a) Isi - **20 markah**
- b) Bahasa - **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang **1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah **isi maksimum** yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan**

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima				Markah Maksimum
(i) Pendahuluan						2
(ii) Isi Bahan 1						
Fokus 1 - A (cara/langkah/tindakan)	5	5	4	4	3	
Fokus 2 - B (masalah/cabarannya/risiko/keburukan)	2	1	2	1	2	
(iii) Isi Bahan 2						
Fokus 2 - C (masalah/cabarannya/risiko/keburukan)	1	1	1	1	1	16

ialah **8 isi** sahaja.

(iv) Isi Bahan 3						
Fokus 2 - D (masalah/cabarannya/risiko/keburukan)	2	1	1	2	2	
Jumlah Isi	10	8	8	8	8	
(v) Penutup/Kesimpulan						2
	Jumlah Markah					20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>sangat baik</i>. Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>baik</i>. Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang <i>masih</i> betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>kurang baik</i>. Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang <i>kurang</i> betul dan tepat, serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

NOTA:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi **6 markah dan ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi bahasa *sangat baik*, **markah maksimum bahasa** ialah **5 markah**.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, beri **0 markah bahasa**.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | ...membincangkan cara/langkah/tindakan menjaga pendakap gigi dan masalah/cabaran/risiko/keburukan penggunaan/memakai pendakap gigi. | 2 |
| P2 | ...membincangkan cara/langkah/tindakan menjaga pendakap gigi | 1 |
| P3 | ...membincangkan masalah/cabaran/risiko/keburukan penggunaan/memakai pendakap gigi. | 1 |

Isi [16 markah]

BAHAN 1

Fokus 1 - cara/langkah/tindakan menjaga pendakap gigi

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | aktiviti memberus gigi perlu dilakukan di hadapan cermin muka | 2 |
| A2 | memberus gigi setiap kali selepas makan | 2 |
| A3 | diberus secara perlahan-lahan | 2 |
| A4 | berus gigi tambahan perlu digunakan | 2 |
| A5 | benang gigi juga digunakan sekurang-kurangnya sekali sehari | 2 |

Fokus 2 - masalah/cabaran/risiko/keburukan penggunaan pendakap gigi

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | Penggunaan pendakap gigi logam akan memungkinkan seseorang itu mendapat penyakit gusi | 2 |
| B2 | menghasilkan asid yang melemahkan struktur gigi | 2 |

BAHAN 2

Fokus 2 - masalah/cabaran/risiko/keburukan penggunaan pendakap gigi

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | gigi lebih sensitif dan rasa ngilu apabila minum minuman yang sejuk | 2 |
|----|---|---|

BAHAN 3

Fokus 2 - masalah/cabaran/risiko/keburukan penggunaan pendakap gigi

- | | | |
|----|--|---|
| D1 | gam yang dilekatkan pada permukaan gigi akan menyebabkan gigi terhakis | 2 |
| D2 | pergerakan gigi secara tidak langsung boleh menyebabkan gigi goyang | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, penggunaan pendakap gigi perlu digalakkan agar menghasilkan gigi yang sihat. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, penggunaan pendakap gigi perlu digalakkan. | 1 |

TAMAT